

Pemantapan akidah Ahlus Sunnah merupakan jalan yang paling utama untuk menghadapi perkembangan ajaran Syiah.

Waspada Gerakan Syiah di Malaysia

Revolusi Iran yang terjadi pada tahun 1979, merupakan kemenangan kelompok Syiah yang menjadi momentum besar bagi pergerakan Syiah di pelbagai negara. Persatuan Ahlus Sunnah di Iran pernah menyiarkan sebuah risalah rahsia yang mengandungi beberapa agenda utama gerakan Syiah di Iran sendiri dan cara bagaimana agar agenda tersebut dapat dieksport ke luar negara, khususnya negara-negara Sunni.

Agenda tersebut dijangka akan mengalami kejayaan dalam jangka 50 tahun dihitung dari semenjak revolusi Iran yang terjadi pada tahun 1979.



Apa matlamat utama agenda Syiah?

- 1) Men-Syiahkan umat Islam di seluruh dunia.
- 2) Mengembangkan empayar Parsi khususnya bermula dari rantau Teluk.

Saat ini, ia sudah pun sampai ke ASEAN, khususnya Indonesia. Dari pelbagai pernyataan akhbar dan tokoh Syiah khususnya dapat dilihat seperti berikut:

● Jalaluddin Rahmat, Ketua Dewan Syura Ikatan Jamaah Ahlul Bait Indonesia (IJABI), mengatakan bahawa jumlah Syiah di Indonesia mencecah jumlah yang tertinggi, iaitu sekitar 5 juta orang. Keberadaan penganut Syiah tidak banyak diketahui kerana mengamalkan 'taqiyah' iaitu menyembunyikan

jati diri dan bersikap layaknya pemeluk Islam pada umumnya. (<http://www.tempo.co/read/news/2012/09/02/078426978/Bandung-Kantong-Syiah-Terbesar-di-Indonesia>)

● Mohd Kamil Zuhairi Abd Aziz, Ketua Kumpulan Syiah Malaysia mendakwa bahawa jumlah pengikut fahaman itu kini dianggarkan mencecah antara 300,000 dan sejuta orang. (<http://www.sinarharian.com.my/nasional/ketua-dakwa-ahli-syiah-cecah-sejuta-1.185196>)



Bagaimana Syiah menyusup masuk ke dalam sistem pemerintahan negara?

Kita tahu, bahawa kunci utama untuk menguatkan tonggak sesebuah negara dan perlindungan terhadap rakyatnya,

berada pada tiga asas utama:

Pertama: Kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh pemerintahan yang sedang berkuasa.

Kedua: Ilmu dan pengetahuan yang dimiliki oleh para ulama dan penelitinya.

Ketiga: Ekonomi yang terfokus pada kelompok pengusaha dan pemilik modal.

Apabila kita mampu menggoncang pemerintahan dengan cara memunculkan perseteruan antara ulama dan penguasanya, atau memecahkan konsentrasi para pemilik modal di negara berkenaan dengan menarik modalnya ke negara kita atau negara lain, tidak diragukan lagi, kita telah menciptakan keberhasilan yang gemilang dan menarik perhatian dunia, kerana kita telah meruntuhkan tiga tonggak tersebut. [Teks lengkap sila dibaca dalam buku *Al-Khittah al-Khamsiiniyah wa Isqaatuha fi Mamlakah al-Bahrain*]

Dengan demikian, gerakan Syiah merupakan gerakan yang penuh dengan strategi. Ia diwujudkan dengan tindakan yang nyata di lapangan. Apa yang kita lihat saat ini di Malaysia merupakan sebahagian daripada plan hala tuju gerakan Syiah.

Tujuan utamanya mendirikan khalifah versi mereka dengan cara menguasai seluruh pemerintahan negara-negara Sunni. Pelbagai propaganda telah pun dilakukan dan masih berterusan melalui jaringan antarabangsa yang mereka miliki.



Profesor Madya. Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni
Ketua Program Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia.



Bercangah dengan Ahlus Sunnah

Q Apakah ciri-ciri fahaman atau pegangan yang berlawanan dengan Ahlus Sunnah wal Jamaah?

A Contohnya seperti:

- *Mujasimmah* iaitu golongan yang mengatakan Allah ﷻ memiliki anggota tubuh dan sifat seperti manusia.
- *Mu'aththilah* iaitu mereka yang tidak mengakui adanya bagi Allah ﷻ.
- *Qadariyah* iaitu fahaman yang mengatakan manusia memiliki kuasa penuh atas dirinya.
- *Jabariah* iaitu golongan yang berpegang bahawa manusia tidak memiliki sebarang kuasa, semuanya daripada Allah ﷻ.
- *Murji'ah* iaitu golongan yang mengatakan semua hukuman dan pembalasan diserahkan kepada Allah ﷻ.
- *Wa'idiyyah* iaitu fahaman yang mengatakan Allah ﷻ wajib menghukum orang yang berdosa.
- *Rafidhah* iaitu mereka mengkafirkan para Sahabat dan mengatakan Ahlul Bait adalah maktum.
- *Khawarij* iaitu mereka yang para Sahabat dan Ahlul Bait yang menjadi penyebab meletusnya Perang Jamal dan Perang Siffin adalah kafir.

(Ustaz Muhadir Hj. Joll)



Apakah sikap kita yang sepatutnya ketika isu tentang fahaman syiah ini semakin hangat diperkatakan?

Banyakkan Majlis Ilmu

Pemantapan akidah Ahlus Sunnah merupakan jalan yang paling utama untuk menghadapi pesatnya perkembangan ajaran Syiah di Malaysia. Pemantapan ini perlu dilakukan oleh semua lapisan masyarakat, khususnya bagi pihak masjid ataupun surau.

Perlu diadakan majlis-majlis ilmu yang mengarah kepada pemantapan akidah Ahlus Sunnah. Seseorang yang kuat akidah Sunninya apabila mendengar, membaca atau berjumpa orang yang berfahaman Syiah akan dengan mudah mengenal, menilai dan menimbang, atau minimal ia akan rasakan

ada hal yang perlu diperjelaskan kepada orang Syiah itu tentang apa-apa yang didengar, dibaca atau hasil perbincangan yang dilakukan oleh orang Syiah terhadapnya.

Waspada Terhadap Buku Syiah

Umat Islam di tanah air kita ini perlu 'dibekalkan' dengan banyak buku dan artikel yang menjelaskan atau menjawab tentang Syiah. Di Indonesia misalnya, Syiah banyak tersebar melalui buku-buku, kerana tidak ada sekatan daripada pihak kerajaan. Maka buku-buku Syiah baik yang ditulis oleh penduduk tempatan atau buku-buku Syiah terjemahan tersebar luas. Buku-buku ini sebahagian besar sudah sampai ke Malaysia.

Bahkan di Malaysia sendiri sudah banyak buku Syiah yang telah diterjemahkan seperti: **▶▶ Kasyful Asrar** oleh Ayatullah al-Khomeini.

Mutiara Kata: "Ketahuilah olehmu, sesungguhnya akal hanya merupakan sesuatu alat untuk mencapai segala sesuatu yang hanya berhubungan dengan hamba atau manusia, bukan untuk mencapai Allah." (Ibnu Atha)



- ▶▶ **Al-Hukumah al-Islamiah** oleh Ayatullah al-Khomeini.
- ▶▶ **Tahrir al-Wasilah** oleh Ayatullah al-Khomeini.
- ▶▶ **Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya** (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas dan Ijtihad) oleh Al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliy.
- ▶▶ **Mengapa Aku Memilih Ahul Bait a.s.?** oleh Syeikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki.
- ▶▶ **Mafatihul Jinan** oleh Syeikh Abbas Al-Qummi.

Apakah perkara yang menarik hati remaja-remaja Sunni terutamanya, terhadap Syiah?

Bagi kalangan remaja, salah satu promosi Syiah yang sangat berbahaya ialah nikah *mut'ah*. Nikah *mut'ah* bermaksud pernikahan yang meletakkan tempoh tertentu dalam akad. Pendek kata nikah *mut'ah* ialah nikah kontrak yang bersifat sementara. Jenis pernikahan ini halal dalam pandangan Syiah, sedangkan Sunni mengharamkannya.

Selain propaganda nikah *mut'ah*, Syiah juga mempertingkatkan promosi untuk membawa Sunni mendekati mereka melalui perkara berikut:

- 1 Slogan cinta kepada Ahul Bait dan membenci Sahabat tertentu. Pada dasarnya cinta Ahul Bait tiada masalah, bahkan Ahlus Sunnah sendiri mengajarkan kecintaan kepada Ahul Bait.
- 2 Mengkafirkan para Sahabat utama Rasulullah ﷺ (Abu Bakar, Umar dan Utsman).
- 3 Slogan al-Quran Sunni adalah palsu dan perawi-perawi hadis Sunni adalah penipu.

4 Pemberian biasiswa kepada pelajar Sunni menyambung pelajaran ke Iran. Setelah pulang ke negara masing-masing maka mereka akan menjadi ejen penyebaran Syiah.

5 Mendatangkan pelajar Iran ke suatu negara untuk belajar sambil menyebarkan fahaman Syiah.

6 Membahagikan buku-buku Syiah secara percuma kepada masyarakat.

7 Mendirikan pusat-pusat Syiah.

8 Mengadakan seminar-seminar dan bengkel.

Apakah langkah-langkah yang perlu digerakkan pihak berkuasa agama sebagai usaha menyekat penyebaran fahaman syiah?

Ahli Sunnah wal-Wamaah telah ditetapkan sebagai mazhab rasmi kerajaan Malaysia, dan saya melihat kerajaan bertindak proaktif dalam menangani isu Syiah di Malaysia. Ini penting kerana fahaman Syiah memang berlainan dengan fahaman Sunni.

Oleh sebab itu, boleh dilihat di akhbar-akhbar pelbagai tindakan kerajaan untuk memberikan perhatian khusus dengan publisiti secara terbuka agar orang ramai dapat memahami tentang bahaya fahaman Syiah kepada umat Islam. Penyampaian maklumat dalam bentuk apa pun sangat diperlukan sebagai usaha menjaga kemurnian akidah Ahlus Sunnah. Tujuannya adalah agar kaum Muslimin dengan mudah mengenal, mengetahui dan membezakan mana mazhab Sunni dan Syiah. 🙏

Fanatik Ahul Bait yang Keterlaluan

Dari segi bahasa, Syiah berasal daripada perkataan *sy'a'a* yang bermaksud menyebarkan. Kalimah **سَيِّعٌ** pula bermaksud melebihi kecintaan kepada ahli keluarga Nabi ﷺ. Tidak mengapa membela dan mencintai ahli keluarga Nabi ﷺ asalkan tidak *ghulu* (keterlaluan atau melampaui batas).

Ada kalangan mereka yang *ghulu* seperti Syiah Rawafidh. Mereka mengatakan Malaikat Jibril tersalah membawa wahyu kepada Nabi ﷺ, sedangkan wahyu itu sepatutnya diberikan kepada Sayidina Ali r.a. Bahkan ada juga yang bertuhankan Sayidina Ali.

Di samping itu, akidah dan feqah mereka yang tidak sama dengan Ahli Sunnah. Demikian juga nikah *mut'ah*. Sebagaimana dalam akad mereka mengatakan: "Saudara, aku kahwinkan dengan anakku dalam masa tiga hari tiga malam."

Nikah ini dinamakan nikah kontrak dan ia adalah haram. Ia seperti zina!

~ Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin ~